

28 AUG 1996  
Mahathir-DEB  
DASAR EKONOMI BARU MASIH DIPERLUKAN

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Dasar Ekonomi Baru (DEB), yang bertujuan menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi, masih diperlukan tetapi pendekatan dalam pelaksanaannya akan diubah mengikut keadaan semasa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, walaupun dasar yang dilancarkan lebih 25 tahun lepas itu telah menunjukkan banyak kejayaan, ia belum lagi boleh ditamatkan kerana masih terdapat jurang pemisahan di antara kaum yang perlu dirapatkan melalui pendekatan yang lain pula.

"Lampu di malam yang gelap gelita boleh menyuluh jalan tetapi lampu yang sama apabila sudah siang dan terang benderang tidak dapat memainkan peranan yang sama. Namun demikian, kita tidak harus campakkan lampu penyuluh kita semasa kita guna penyuluh yang baru," katanya ketika berucap melancarkan Skim Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Katanya, Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB), yang diuruskan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB), merupakan "lampu penyuluh" yang begitu berkesan dalam pelaksanaan DEB.

"Kita tidak akan hapuskan alat yang begitu berkesan seperti Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Bumiputera tetapi sudah tiba masanya kita cuba memperluaskan sedikit liputan sistem saham amanah ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, sebab itulah kerajaan bersetuju supaya PNB menubuh dan menguruskan satu lagi skim saham amanah, ASW 2020, yang terbuka kepada semua kaum tetapi terhad kepada generasi muda sahaja.

"Ia bertujuan untuk merapatkan semua kaum menjelang 2020. Keluarga Skim Amanah Saham Wawasan 2020 akan mempunyai 'stake' (pegangan) yang sama bukan sahaja dalam kejayaan skim amanah itu tetapi juga dalam kestabilan dan kemakmuran negara ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, langkah kerajaan memperkenalkan DEB dikecam dan diburuk-burukkan oleh Barat kerana kononnya tidak adil dan tidak demokratik.

"Mereka lebih rela melihat yang kaya menjadi lebih kaya dan yang miskin terus merana, terutama jika yang miskin ini terdiri daripada kaum atau kumpulan etnik yang lain yang mereka pandang hina kerana warna kulit dan sebagainya," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, DEB jelas lebih berjaya daripada pendekatan komunisme, sosialisme, "affirmative action" di Amerika Syarikat dan sistem cukai pendapatan biasa.

Perdana Menteri berkata, komunisme dan sosialisme bukan sahaja gagal mengimbangkan nasib anggota masyarakat tetapi ia juga menyebabkan penindasan yang ketara dan akhirnya kemiskinan bagi rakyat dan negara.

Demikian juga dengan "affirmative action" di Amerika Syarikat yang gagal kerana rakyat yang berada tidak sanggup membuat pengorbanan walaupun sedikit kerana kononnya sebarang pengorbanan oleh mereka tidak demokratik, katanya.

"Demokrasi dianggap lebih penting daripada usaha menghapuskan ketidakadilan yang nyata berlaku dalam masyarakat berkenaan," katanya.

Dr Mahathir berkata, pendekatan melalui sistem cukai pendapatan biasa pula tidak sesuai di Malaysia kerana keadaan yang tidak seimbang bukan semata-mata antara yang miskin dan kaya tetapi juga antara kaum.

"Oleh itu, kita terpaksa cipta Dasar Ekonomi Baru sebagai alat dan

pendekatan yang penting," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun matlamat DEB belum tercapai sepenuhnya, keadaan sekarang tidaklah seburuk keadaan semasa dasar itu dilancarkan lebih 25 tahun yang lepas.

"Bersama-sama dengan pendekatan yang lain yang dicipta oleh kerajaan, keadaan tidak seimbang antara kaum dalam bidang ekonomi telah banyak dikurangkan," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, keadaan itu belum menyeluruh kerana masih terdapat jurang pemisahan antara kaum yang mencerminkan keadaan tidak seimbang mereka.

"Dengan itu, kita belum lagi dapat menamatkan Dasar Ekonomi Baru. Apa yang kita dapat buat ialah memberi layanan yang tidak terlalu berbeza antara belia daripada berbagai-bagai kaum," katanya sebagai merujuk kepada ASW 2020 yang dilancarkannya hari ini.

Katanya, penggunaan saham amanah untuk mengagih-agihkan kekayaan negara secara lebih sama rata itu juga menyumbang kepada pembangunan negara.

Dr Mahathir berkata, 12 peratus daripada jumlah tabungan wang di Malaysia yang telah meningkat kepada lebih 30 peratus adalah daripada saham-saham amanah.

"Angka ini sukar dicapai oleh negara-negara lain termasuk yang maju. Tabungan yang besar ini mengurangkan kesan defisit dalam imbalan pembayaran yang dikatakan tinggi di negara ini," katanya.

Dr Mahathir turut menyelar kejahilan pakar-pakar ekonomi Barat yang dengan sombongnya menyatakan pentadbiran ekonomi negara sebagai "noddy nomics".

"Mereka lupa bahawa negara mereka berkali-kali menghadapi masalah ekonomi yang merosot kerana kerajaan mereka tidak cekap," katanya.

Katanya, adalah lebih baik pakar-pakar ekonomi Barat itu menumpukan perhatian untuk mengatasi masalah negara mereka daripada memberi ulasan dan nasihat yang tidak diperlukan kepada orang lain.

-- BERNAMA

AH NMO